

dan College of Business (COB UUM).

Dalam menggulung syarahan tersebut, Khairuddin menggariskan secara khusus pendekatan pengurusan strategik bagi membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk mengatasi masalah mereka dan sekaligus bertahan di dalam perniagaan masing-masing.

Menurutnya jika proses pengurusan strategik diamalkan dan dilaksanakan dengan berkesan dalam PKS, proses ini bukan sahaja mampu menjadikan PKS lebih cekap dan berkesan, malah lebih berinovatif dan kompetitif.

"Walau bagaimanapun, pengusaha PKS haruslah menyedari bahawa proses pengurusan strategik ini melibatkan masa, kerja keras, dan penyesuaian kepada perubahan," katanya.

Katanya, sebagai permulaan, firma-firma perlulah mengambil beberapa langkah seperti mengubah minda mereka kerana pengurusan strategik yang berkesan memerlukan kemahiran dan pengetahuan dalam pemikiran strategik.

Selain itu, katanya firma-firma ini juga perlu mengenal pasti andaian-andaian baharu termasuk tujuan, kepimpinan, struktur, sumber manusia, dan proses-proses kerja bagi membangun dan melaksana pengurusan strategik.

"Bagaimanapun, pemilik dan pengurus PKS perlu sanggup untuk melalui proses pengajian serta membuat dan mengambil dalam membangunkan firma-firma mereka ke dalam pertubuhan-pertubuhan mampan," katanya.

Turut hadir dalam syarahan pengukuhan profesor ini ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Rosna Awang Hashim, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Abdul Razak Salleh, Pemangku Pendaftar, Mohamad Akhir Yusuf, Penasihat Undang-undang, Md. Rejab Md. Desa, Pengarah Canselori, Baharudin Yaacob, Penolong Naib Canselor College of Business, Prof Dr Mahamad Tayib.

Habis

=====

DARIPADA:

SEKSYEN MEDIA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078

FAKS: 04-928 3016

E-MEL: ukkuum@uum.edu.my